



# AL-MAQALAH



## HIJRAH: MAKSUD TERSIRAT

Perkataan hijrah sinonim dengan maksud perpindahan daripada satu tempat ke tempat yang lain. Manakala dalam kamus dewan edisi keempat, hijrah bermaksud perpindahan Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah. Selain itu, ia juga bermaksud perhijrahan perbuatan ataupun perihal berhijrah.

Ramai dalam kalangan kita masih tidak memahami definisi hijrah secara keseluruhannya malah membiarkan hijrah kekal dengan tafsiran yang terhad tanpa melihat dari sudut dimensi yang berbeza. Hijrah bukan sahaja perpindahan fizikal ataupun pergerakan sesuatu objek atau individu dari satu tempat ke tempat yang lain malah ia juga merujuk kepada perpindahan atau perubahan fizikal dan sikap individu daripada sesuatu perkara kepada sesuatu perkara yang lain.

Muharram pula adalah bulan yang sering dikaitkan dengan hijrah yang mana kebanyakan masyarakat memahami bahawa hijrah Nabi Muhammad SAW berlaku pada bulan Muharram. Namun adakah fakta ini benar? Berapa ramai juga antara kita yang menyemak fakta tersebut? Adakah kita prihatin pada fakta yang berkisar tentang lelaki yang paling dicintai oleh umat manusia?

Muharram adalah bulan pertama dalam kalendar hijrah yang mana cadangan perkiraan tahun hijrah ini bermula pada zaman pemerintahan Saidina Umar Al-Khattab. Bagi tahun hijrah, bulan Muharram telah dipilih menjadi bulan pertama dalam dua belas bulan sebagaimana yang diputuskan oleh Saidina Umar. Jumlah bulan hijrah sama sepertimana tahun masihi namun waktu permulaannya adalah berbeza.

Jelas bahawa hijrah Nabi Muhammad SAW bukanlah berlaku dalam bulan Muharram kerana cadangan ini bermula pada zaman pemerintahan Saidina Umar. Pada zaman dahulu, orang Arab tidak mempunyai tahun dan mereka bergantung pada perkiraan bulan sebagaimana yang digunakan oleh umat Islam sekarang yang mana nama bulan-bulan Islam ini diambil sempena nama bulan-bulan Arab.



Kemungkinan salah faham atau kekeliruan terhadap fakta Hijrah Nabi Muhammad SAW berlaku pada bulan Muharram disebabkan pemilihan tahun pertama kalendar Islam oleh Amirul Mu'minin (Saidina Umar) adalah tahun Nabi berhijrah. Namun, ia bukan bermaksud bulan pertama (Muharram) adalah bulan Baginda berhijrah. Baginda berhijrah adalah pada hari pertama bulan Rabi'ul Awwal sebagaimana disebut dalam pelbagai riwayat. Saidina Umar memilih Muharram sebagai bulan pertama dalam tahun Hijrah kerana umat Islam baru sahaja selesai menunaikan ibadah haji dan ia juga termasuk antara bulan-bulan haram (rujuk al-Bidayah wa al-Nihayah, al-Imam Ibn Kathir).

Ketika ini, bulan Muharram sinonim dengan sambutan tahun baharu yang mana pelbagai aktiviti dilaksanakan oleh kerajaan, organisasi, masyarakat mahupun individu itu sendiri. Sering kali juga kemasukan tahun baharu ini dikaitkan dengan azam baharu mahupun dan pelbagai lagi keperluan dan barang-barang baharu. Ramai di antara kita yang masih keliru dengan jiwa dan keperluan diri sendiri terutamanya dalam perhijrahan sikap daripada yang buruk kepada yang baik dan daripada yang baik kepada lebih baik.

Jika kita menghayati dan memahami konsep hijrah itu secara tersurat mahupun tersirat pasti kita akan lebih menghargai masa bagi perubahan atau perhijrahan diri. Sebagai umat Islam, perubahan kepada sesuatu yang lebih baik bukanlah menunggu waktu tertentu malah sebaiknya adalah pada setiap masa. Nabi Muhammad SAW dan para Sahabat bersusah payah mengalirkan keringat, berkorban harta dan jiwa, menahan segala tohmah dan ujian demi kebaikan umatnya namun kita yang berada dalam keadaan yang cukup selesa kini, tidak mampu berhijrah atas nama kebaikan? Apakah telinga kita tuli, atau mata kita yang buta mahupun anggota kita yang lumpuh serta cacat?

Sambutan tahun baharu Hijrah bukan untuk berseronok dengan berpakaian sama, berkumpul beramai-ramai, dan melakukan aktiviti tertentu sampai terlupa perjuangan Nabi Muhammad SAW dan para Sahabat. Pernahkah kita terfikir apakah sumbangan dan hadiah terbesar kita kepada kesusahan mereka demi kebahagiaan kita? Dengan menghasilkan kekayaan terbanyak? Namun, tidak membantu. Menjadi umat yang terbijak? Namun, dibodohkan oleh nafsu. Menjadi pegawai tertinggi? Namun, menzalimi yang di bawah. Mempunyai kuasa yang luas? Namun, salah guna kuasa. Jika itu yang kita lakukan, maka kita telah menyalahi hijrah dan perjuangan Nabi Muhammad.

Justeru, perhijrahan diri bukanlah pada waktu tertentu namun sebagai umat Islam ia perlu pada setiap masa secara berperingkat. Namun, menjelang tahun yang baharu dapat membantu kita membuat perancangan yang lebih baik tapi jangan ditangguhkan. Tahun baharu juga tidak menuntut kita melakukan ibadah-ibadah khusus tertentu namun lakukanlah ibadah berdasarkan petunjuk Nabi Muhammad SAW dan itulah yang terbaik. Wallahua'lam.

